

Menyingkap Pengalaman Tokoh Alumni UiTM: Prof Dato' Dr. Hj Raja Abdullah Raja Yaacob

Hamzah bin Mohamad Balsu
Riduan bin Basar
Nik Azliza binti Nik Ariffin
Nordiana Mohd Nordin
Abdul Rahman Ahmad

Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana
Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan tentang keperibadian seorang tokoh alumni yang banyak jasanya di dalam bidang pengurusan maklumat. Beliau juga merupakan seorang perintis dan pelopor dalam bidang pengurusan maklumat di Malaysia. Tokoh alumni yang dimaksudkan ialah Prof Dato' Dr. Hj Raja Abdullah Raja Yaacob atau lebih dikenali sebagai Pak Ray. Memulakan penglibatan sebagai seorang pelajar ITM, kemudian menjawat jawatan sebagai pustakawan, dan seterusnya menjadi salah seorang tenaga pengajar di Fakulti Pengurusan Maklumat di UiTM. Beliau bertanggungjawab memperkenalkan Fakulti Pengurusan Maklumat sehingga di kenali di seluruh Malaysia. Beliau pernah memegang jawatan Dekan selama 8 tahun dan beliau bersara wajib pada tahun 2010. Ketika khidmatnya sebagai Dekan, beliau berjaya menambahkan kemasukan pelajar sehingga 4000 orang, menambahkan bilangan pensyarah dan membuka cawangan FPM di seluruh Malaysia. Pada tahun 2001, beliau telah dianugerahkan penghargaan Dato 'Paduka Mahkota Perak (DPMP) yang membawa gelaran Dato'. Oleh itu kajian ini bertujuan mengkaji latar belakang tokoh alumni, pengalaman pembelajaran ketika belajar di ITM dan mengenalpasti sumbangan dan harapan tokoh alumni kepada UiTM.

Kata kunci: Perintis, ITM, Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM, Dekan

ABSTRACT

This article discusses the personality of an alumni who has done a lot in the field of information management. He is also a pioneer and pioneer in the field of information management in Malaysia. The alumni figure in question is Prof Dato 'Dr. Hj Raja Abdullah Raja Yaacob or better known as Pak Ray. Started

involvement as an ITM student, then held a position as a librarian, and later became one of the instructors at the Faculty of Information Management at UiTM. He is responsible for introducing the Faculty of Information Management until it is known throughout Malaysia. He held the position of Dean for 8 years and he retired compulsorily in 2010. During his service as Dean, he managed to increase student enrollment to 4000 people, increase the number of lecturers and open FPM branches throughout Malaysia. In 2001, he was awarded the Dato 'Paduka Mahkota Perak (DPMP) which carries the title of Dato'. Therefore, this study aims to examine the background of alumni, learning experience while studying at ITM and identify the contribution and expectations of alumni to UiTM.

Keywords: Pioneer, ITM, Faculty of Information Management, UiTM, Dean

PENGENALAN

Sejarah lisan merupakan kaedah pengumpulan fakta-fakta sejarah yang masih belum lagi dikaji dan dirakam semula serta merupakan penerus kepada proses pengumpulan data sejarah setelah hilangnya tradisi penulisan sejarah. Ianya dikatakan bermula sejak bermulanya sesuatu peristiwa sejarah itu berlaku (Starr, 1984).

Sejarah lisan turut boleh didefinisikan sebagai satu proses yang melibatkan orang menceritakan peristiwa dengan pengumpul maklumat yang memperkatakan peristiwa yang lepas dan dirujuk daripada ingatan seseorang, kertas, diari, surat, gambar dan sebagainya. Sumber sejarah lisan dianggap sebagai sumber primer yang didapati daripada hasil rakaman perbualan yang dibuat melalui temu ramah yang telah dirancang dan direkodkan oleh para penyelidik dan informan. Fakta sejarah lisan dikatakan mempunyai kekuatan tersendiri yang dapat menjelaskan peristiwa masa lampau yang telah berlaku. Ianya terdiri daripada berbagai-bagi jenis sastera rakyat (folklore) seperti mitos, lagenda, cerita asal-usul dan sebagainya (Abdul Rahman, 1996).

Peranan sejarah lisan amat penting untuk membina semula peristiwa sejarah bagi menggantikan rekod-rekod yang telah hilang atau dimusnahkan oleh pihak penjajah seperti Jepun dan British. Ia amat berguna untuk mengisi kekosongan yang terdapat dalam sumber-sumber bertulis, untuk menambah sumber bertulis yang sedia ada dengan keterangan-keterangan sejarah yang telah dicatatkan, untuk menyelamatkan keterangan-keterangan sejarah yang akan hilang dan ia juga sebagai pendorong kepada penyelidik untuk membuat penyelidikan ke atas perkara-perkara yang telah disediakan dengan sumber-sumber lisan.

Sejarah lisan merupakan satu kaedah atau teknik penyelidikan moden yang bertujuan untuk memelihara pengetahuan-pengetahuan sejarah melalui pengkisahan. Kaedah ini melibatkan proses wawancara dan merakam ke dalam pita tentang keterangan-keterangan orang yang mengetahui sesuatu peristiwa sejarah, sama ada melalui penglibatannya secara langsung dalam peristiwa itu atau sekadar menyaksikannya sahaja (Ahmad, 1987).

Memori masih dianggap sebagai satu bahan mentah sejarah dan sumber yang masih hidup jika sejarawan berminat untuk mencungkil sesuatu melaluinya. Sejarawan sejarah lisan menitikberatkan memori sebagai sumber maklumat sejarah yang berpotensi untuk menjadi bahan rujukan primer. Ia didapati boleh memberikan satu penerangan yang bersandarkan kepada ingatan semula peristiwa dan keadaan berbanding dengan tulisan sejarah walaupun kedua-duanya memainkan peranan dalam penceritaan masa lampau (Hutton, 1993). Masa lampau yang wujud dalam ingatan yang mampu membantu memenuhi keperluan semasa perlu dipelihara melalui rakaman dan temu bual sejarah lisan. Namun begitu, kerana kepelbagaian sebab-sebab yang mampu mempengaruhi dan merubah memori, penggunaan sejarah lisan memberi cabaran yang tersendiri kepada para penyelidik terutamanya didalam mengenalpasti kesahihan sesuatu peristiwa. Sejarah lisan sering dipersoalkan dari segi ketepatan dan kebenaran maklumat lisan yang diperolehi sebagai sumber sejarah. Perkara ini disebabkan sumber sejarah lisan adalah bergantung kepada selama mana kekuatan ingatan yang terdapat pada individu-individu berkenaan dan lazimnya sumber lisan yang diperolehi mempunyai mempunyai unsur-unsur bias, emosi dan reaksi terhadap peristiwa yang diceritakan (Ahmad, 1987).

Oleh itu melalui kajian ini membincangkan mengenai seorang tokoh pendidikan dan juga merupakan tokoh alumni Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM yang banyak jasa dan baktinya dalam bidang pengurusan maklumat di Malaysia. Tokoh ini mempunyai latar belakang yang sangat menarik serta boleh dijadikan contoh sebagai pemangkin semangat anak-anak muda zaman sekarang untuk lebih berjaya dalam bidang yang mereka ceburi.

Tokoh merupakan antara yang terawal memasuki ITM yang ketika itu dikenali sebagai Maktab Mara pada tahun 1967-1968 dan kemudiannya di tukar nama kepada Institusi Teknologi Mara pada tahun 1968 dan merupakan pelajar pertama dari Malaysia yang memegang sarjana muda di dalam bidang pengurusan rekod. Beliau yang dimaksudkan ialah Profesor Dato' Dr. Hj. Raja

Abdullah Raja Yaacob dan juga dikenali sebagai Pak Ray. Beliau bukan sahaja menuntut di ITM malah terus berkhidmat melebihi 25 tahun dan jawatan terakhir beliau adalah Dekan Fakulti Pengurusan Maklumat.

Beliau merupakan anak kelahiran Parit Buntar, Perak. Kini beliau menetap di seksyen 6 Shah Alam, Selangor dan mempunyai 4 orang anak dari hasil perkahwinan beliau yang pertama. Manakala bersama isteri kedua tidak memiliki cahaya mata. Tahap pendidikannya yang tertinggi adalah PhD di University of Michigan sehingga tahun 1990. Tokoh merupakan seorang perintis kepada Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM. Beliau mempunyai banyak jasanya dalam menaikkan nama fakulti ini kepada fakulti yang dikenali oleh masyarakat. Beliau juga berjasa dalam mengubah dan mengembangkan lagi program Fakulti Pengurusan Maklumat sehingga menjadikan Fakulti Pengurusan Maklumat sebagai satu tarikan dan bidang yang professional untuk diceburi di seluruh Malaysia.

PERMASALAHAN KAJIAN

Di Malaysia, kajian sejarah lisan mengenai tokoh-tokoh alumni UiTM amat berkurangan dan terhad. Oleh itu perlunya pendokumentasian mengenai tokoh-tokoh ini bagi tujuan menambahkan sumber-sumber lisan. Melihat akan peredaran zaman semestinya sejarah lisan sudah makin dilupakan dan tidak dilakukan disebabkan perkembangan kehidupan yang serba moden. Hal ini menjadikan sejarah lisan tidak diminati serta dianggap lama dan lapuk menyebabkan ianya makin dilupakan. Maka dengan itu banyaklah sejarah yang kekurangan sumber lisan dan tiadanya sumber primer lebih-lebih lagi mengenai tokoh alumni ini. Secara tidak langsung dengan kajian ini dapat menambahkan koleksi-koleksi sumber lisan mengenai tokoh pendidikan di dalam negara ini. Tokoh-tokoh ini banyak memberi jasa dan sumbangannya di dalam bidang pendidikan di Malaysia.

Selain itu, kajian sejarah lisan ini juga dapat menarik minat generasi muda dalam bidang sejarah. Jika dilihat generasi-generasi muda pada masa ini lebih cenderung ke arah hiburan dan media sosial. Dengan adanya sejarah lisan ini, generasi-generasi muda dapat menjadikan tokoh alumni ini sebagai sumber inspirasi, idola dan contoh yang baik untuk lebih berjaya dalam setiap bidang yang mereka ceburi. Melalui kajian sejarah lisan mengenai tokoh ini juga dapat memberikan generasi-generasi mudah zaman sekarang untuk untuk sentiasa merubah diri kearah yang lebih baik. Sikap tidak putus asa

daripada tokoh boleh menaikkan semangat generasi-generasi muda untuk lebih yakin serta lebih berdisiplin dalam kehidupan seharian mereka. Sebagai pewaris bangsa generasi-generasi muda dapat belajar tentang kepentingan ilmu pengetahuan dalam pembangunan sesebuah negara. Dengan adanya kajian sejarah lisan ini akan membentuk dan membimbing generasi-generasi muda yang merupakan waris kepada bangsa dan agama di negara ini untuk lebih mengambil berat dan sentiasa mempersiapkan diri serta sentiasa mempunyai perancangan yang baik untuk masa hadapan yang lebih baik.

Kajian sejarah lisan ini juga penting untuk menjadikan tokoh alumni dihargai apabila sejarah kehidupan beliau ketika ia bergelar seorang pelajar dan perkhidmatan dalam UiTM dapat didokumentasikan sebagai satu rujukan untuk pelajar di masa akan datang. Rujukan ini dapat menyebabkan lebih banyak lagi usaha untuk lebih menghargai tokoh alumni yang semestinya sumbangan dan jasa yang banyak menyumbang dalam perkembangan ilmu pengetahuan khususnya dalam bidang pengurusan maklumat. Melalui perkembangan ini dapat membina kefahaman khususnya pelajar untuk lebih teliti dan mengkaji untuk menjadi lebih professional dan lebih maju sentiasa.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif bagi kajian ini ialah:

- 1) Untuk mengkaji latar belakang Tokoh alumni.
- 2) Untuk mengetahui pengalaman pembelajaran ketika belajar di ITM.
- 3) Untuk mengenalpasti sumbangan dan harapan tokoh alumni.

PERSOALAN KAJIAN

Berikut adalah persoalan bagi kajian ini:

- 1) Apakah latar belakang tokoh alumni?
- 2) Bagaimana pengalaman pembelajaran tokoh ketika belajar di ITM?
- 3) Apakah sumbangan dan harapan tokoh alumni?

KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Setiap kajian yang dijalankan semestinya mempunyai sumbangannya yang tersendiri. Tidak kiralah ia kajian dari segi sejarah, sains dan kemasyarakatan yang menambahkan keseluruhan nilai dalam masyarakat bagi sesebuah negara. Hal ini menjadi suatu kemestian kepada setiap keputusan kajian yang dijalankan. Bagi skop kajian kita, ia menggunakan kajian lisan yang menumpukan aspek sejarah yang diceritakan asli dari pemilik badan itu sendiri. Ia menjadi satu “originality” dalam memperbanyakkan lagi sumber-sumber lisan yang berkaitan dengan tokoh bagi sesebuah organisasi dalam negara amnya dan khusus untuk UiTM sendiri.

Penyelidikan ini penting kerana dapat mendorong pelajar untuk lebih berjaya dalam bidang pengurusan maklumat. Melalui penyelidikan ini, para penyelidik percaya bahawa penyelidikan tersebut dapat memberi kesan positif dan bermanfaat kepada semua pihak ke tahap tertentu, sehingga dapat meningkatkan kepekaan masyarakat, terutama sumbangan tokoh terhadap FPM.

Dalam kajian sejarah lisan ini, kepentingan yang dapat diakses adalah berkaitan dengan penambahan sumber-sumber primer dalam UiTM iaitu dengan menyimpan segala yang dinyatakan oleh tokoh melalui rakaman suara dengan mendokumentasikan ucapannya. Walaupun ia amat remeh bagi mata sesetengah pihak, tak sepatutnya kita merasakan ia satu hal yang tidak berguna tetapi bagi mereka yang menghargai sejarah ia amatlah bermakna dan patut diingati. Sejarah yang tidak pernah dibukukan ini satu perkara yang hendaklah diperbanyakkan lagi pada masa kini bagi melestarikan segala sumber sejarah yang ada di Malaysia.

Pada aspek lain, kajian sejarah lisan ini dapat menjadikan tokoh alumni dihargai apabila sejarah tokoh ketika bergelar seorang pelajar dan berkhidmat di UiTM dapat didokumentasikan dan menjadi satu rujukan untuk pelajar di masa akan datang. Hal ini dikatakan sedemikian rupa kerana kita kekurangan dokumen mengenai sejarah biografi orang terdahulu yang berkepentingan sebagai rujukan bagi sesebuah organisasi khususnya UiTM.

Oleh itu, kajian sejarah lisan sememangnya merupakan satu inisiatif yang sangat berguna dan penting untuk memelihara dan menambahkan sumber sejarah yang sedia ada pada zaman sekarang. Bukan itu sahaja, kajian sejarah lisan juga dapat mempelbagaikan sumber-sumber yang ada dalam usaha untuk memahami dan memelihara warisan negara (Nadzan Haron,

2012).

TINJAUAN LITERATUR

Kajian-kajian lepas mengenai bidang yang merujuk kepada konteks sejarah lisan, sejarah UiTM dan tokoh alumni Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM adalah seperti berikut:

Sejarah lisan

Sejarah lisan adalah satu kaedah di mana kenang-kenangan seseorang tokoh yang dirakamkan secara wawancara. Tokoh-tokoh yang dipilih biasanya terdiri daripada mereka yang dapat menyumbang maklumat bersejarah dari penglibatan dan pengalaman diri mereka sendiri, atau oleh kerana perhubungan mereka secara langsung dengan watak, masa atau peristiwa tertentu. Maklumat yang diperolehi dari wawancara tersebut kemudiannya disalin dan salinan itu selepas disemak dan ditaip dapat digunakan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan (Pusat Kajian Sejarah Lisan UKM, 2007).

Sejarah pembangunan UiTM

Melalui sumber penulisan dari laman web rasmi UiTM menyatakan bahawa lakaran sejarah UiTM bertitik tolak pada tahun 1956 dengan tertubuhnya Dewan Latihan RIDA (*Rural and Industrial Development Authority*-Lembaga Kemajuan Perusahaan dan Kampung). Namun, UiTM nyata lebih segar diingati dengan penubuhannya sebagai Institut Teknologi MARA (ITM) pada tahun 1967. Pada November 1956, Pusat Latihan RIDA memulakan operasi di Petaling Jaya, Selangor (kini dikenali sebagai kampus satelit Jalan Othman) di bawah pengarah pertamanya, Syed Alwi Syed Sheikh Alhadi. Ia dibuka secara rasmi oleh Dr Ismail Abdul Rahman, Menteri Perdagangan dan Industri pada 14 Februari 1957. Pusat latihan ini bertujuan mengadakan kursus pra-universiti, latihan kemahiran perniagaan dan beberapa kursus profesional luaran yang ditawarkan oleh badan-badan antarabangsa yang ditubuhkan, seperti *London Chamber of Commerce*, *Australian Chartered Secretaryship*, *Australian Society of Accountants* dan Institut Pengurusan British. Selepas pembentukan Persekutuan Malaysia pada tahun 1963, pusat latihan itu mula menerima pelajar Bumiputera dari Sabah dan Sarawak, dan lebih program akademik yang ditawarkan. Pada tahun 1964, Pusat Latihan RIDA

mengadakan konvokesyen pertama dan 50 graduan dianugerahkan sijil oleh Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

Pusat latihan Dewan Latihan RIDA kemudiannya dikenali sebagai Maktab MARA pada tahun 1965. Perubahan nama itu bermakna bahawa kolej itu tidak lagi beroperasi di bawah RIDA dan sebaliknya menjadi unit terpenting di bawah Bahagian Latihan MARA. MARA, yang bermaksud Majlis Amanah Rakyat, di bawah pimpinan Tan Sri Arshad Ayub, mengambil alih dan memperkuatkan peranan dan tanggungjawab RIDA. Pada tahun 1966, apabila Institut Pengurusan British berhenti menjalankan pemeriksaan luaran, Kolej MARA mula menjalankan Diploma Pengajian Perniagaannya sendiri. Pengiktirafan antarabangsa untuk kursus ini datang dari *Ealing Technical College* di London, yang juga menjadi pemeriksa luarnya (laman web rasmi UiTM).

Institut ini merupakan buah hasil para pemimpin Malaysia yang penuh visi, terutamanya bekas Perdana Menteri kedua, Allahyarham Tun Abdul Razak. Sepanjang era beliau sebagai „Bapa Pembangunan“, salah satu misi negara memberi fokus terhadap usaha untuk membangunkan taraf sosioekonomi kaum bumiputera di negara ini (Yusof Awang, 2009).

Allaryarham Tun Abdul Razak telah meletakkan batu asas pembinaan kampus di atas tanah yang berukuran 300 ekar luasnya di Shah Alam tanggal 14 Oktober 1967. Ia merupakan visi Allaryarham Tun untuk menjadikan ITM sebagai katalis bagi menjana kesemua sumber yang ada dan melahirkan serta melipatgandakan jumlah graduan bumiputera yang terlatih dan berkelayakan bukan sahaja dalam bidang sains dan teknologi malah di dalam bidang-bidang lain. Walaupun kini memegang status universiti, ia adalah mustahil untuk melupakan setiap detik permulaan institusi ini (laman web rasmi UiTM).

Akta Universiti Teknologi MARA 173 telah dirangka sempena penubuhan Universiti Teknologi MARA (UiTM). Ia dianggap penting kerana Akta menyediakan garis panduan untuk penyelenggaraan dan halus pentadbiran serta hal-hal berkaitan lain. Akta ini juga berfungsi sebagai pengakuan peralihan institusi dari institut ke universiti, dan pihak berkuasa yang diberikan kepadanya berfungsi seperti mana-mana universiti lain. Ini termasuk menawarkan kursus pengajian dan pemberian ijazah di semua peringkat (Freddie Aziz Jasbindar, 2019).

Sejarah Penubuhan Fakulti Pengurusan Maklumat

Fakulti Pengurusan Maklumat merupakan sebuah fakulti yang ditubuhkan sejak tahun 1968 tetapi dengan menggunakan nama *Library Science*. Kebanyakan individu beranggapan bahawa Fakulti Pengurusan Maklumat ialah sama dengan Sains Komputer tetapi hakikatnya elemen teknologi maklumat bukanlah elemen utama di dalam Fakulti Pengurusan Maklumat (FPM). Fakulti Pengurusan Maklumat (FPM) memberi penekanan utama kepada elemen maklumat kerana ianya wujud sebelum teknologi. Namun, sejajar dengan kemajuan sesebuah fakulti, semestinya terdapat cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pihak fakulti. Menurut Adnan Jamaluddin & Shamsul Kamal Wan Fakeh (2011), salah satu cabaran yang dihadapi oleh Fakulti Pengurusan Maklumat (FPM) ialah berkenaan dengan enrolmen pelajar. Kesukaran untuk mendapat calon-calon yang berminat untuk mengikuti program-program yang ditawarkan oleh fakulti merupakan salah satu cabaran bagi enrolmen pelajar (Jabatan Arkib Universiti, 2011).

Peringkat pengajian bagi FPM adalah seperti diploma, ijazah sarjana muda, PhD dan master. Program yang ditawarkan adalah terdapat di cawangan UiTM iaitu di UiTM Cawangan Kelantan, UiTM Cawangan Sarawak, UiTM Cawangan Johor, UiTM Cawangan Kedah dan UiTM Cawangan Selangor. FPM menawarkan program seperti pengurusan rekod (IM246), perpustakaan (IM244), pengurusan sistem (IM245), pengurusan sumber (IM247) dan yang terbaru iaitu pengurusan kandungan (IM249). Tawaran di peringkat ijazah sarjana muda dan master ini adalah seperti di kampus UiTM Puncak Perdana (Selangor), Rembau (Negeri Sembilan) di Merbok (Kedah) dan juga Segamat (Johor).

Tokoh Alumni (Tokoh Akademik)

Alumni bermaksud siswazah atau lepasan sesebuah institusi pembelajaran. Apabila tamat belajar daripada mana-mana institusi pembelajaran, sama ada pelajar, kakitangan atau penyumbang, maka mereka diklasifikasikan sebagai seorang alumni. Maka, setiap alumni dianggap mempunyai tanggungjawab terhadap institusi yang telah dilalui kerana gelaran 'alumni' itu bermaksud seseorang itu membawa nama institusi tersebut (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005)

Alumni ialah individu yang pernah menjadi pelajar atau menjadi staff tetap di UiTM serta individu khas yang dikenal pasti secara khusus iaitu Alumni

UiTM, Alumni Bersekutu UiTM dan Alumni Kehormat UiTM. Kebanyakan fakulti di dalam UiTM telah menubuhkan persatuan untuk alumni. Oleh itu, Fakulti Pengurusan Maklumat juga telah menubuhkan persatuan untuk alumni fakulti tersebut yang diberi nama "Persatuan Alumni Fakulti Pengurusan Maklumat (UiTM) Malaysia (Alumni FPM)". Menurut Basir Zahrom (2019), pembabitan alumni dalam menyokong dan „memberi semula” sumbangan secara sukarela adalah penting untuk mengekal dan memperkembangkan pembangunan sesebuah institusi pendidikan. Kecekapan universiti dalam menguruskan maklumat turut didapati amat berkait dan mempengaruhi kesediaan alumni untuk menyumbang (Laman Web Alumni UiTM, 2020)

METODOLOGI

Kaedah penyelidikan yang dijalankan menumpukan pada kaedah sejarah lisan untuk menghasilkan sesuatu yang benar dan tepat, dan dapat diklasifikasikan sebagai data utama. Merujuk kepada sumber, maklumat yang diperoleh dari ucapan dan kenyataan seseorang mengenai sesuatu peristiwa itu merupakan sumber lisan (Muhd Yusof Ibrahim, 2009). Dalam konteks sejarah lisan juga, ini adalah proses interogasi, disertai dengan kaedah pengumpulan data yang digunakan untuk meneliti masalah sosial. Kaedah penyelidikan yang dilakukan oleh penyelidik bukan hanya untuk mendapatkan maklumat dan menjawab semua persoalan yang dikemukakan, tetapi juga untuk memenuhi keperluan objektif yang dinyatakan oleh penyelidik. Tambahan pula, sumber lisan merupakan salah satu elemen yang penting yang amat diperlukan dalam memelihara sesuatu khazanah masyarakat bagi kelestariannya untuk generasi akan datang. Pernyataan yang dikemukakan ini turut mendapat sokongan daripada seorang pengkaji sejarah iaitu, Rozeman Abu Hassan yang berpendapat bahawa selain tidak bukan untuk memelihara rekod-rekod sejarah yang semakin berkurangan dan semakin hilang ditelan zamanlah merupakan asal muasal sesuatu sumber lisan ini sepatutnya didokumentasikan untuk menjadikan sesuatu pengucapan manusia itu boleh disimpan bagi tujuan memelihara sejarah bangsa (Rozeman Abu Hassan, 2004).

Bagi kajian ini, kaedah penyelidikan yang dijalankan adalah melalui kaedah kualitatif iaitu dengan menggunakan kaedah temu bual dan analisis dokumen. Kaedah temu bual adalah satu proses interaksi dan komunikasi antara dua orang atau lebih. Temu bual ini terjadi apabila penyelidik menanyakan soalan kepada seseorang individu berkaitan dengan kajian

tersebut. Terdapat tiga jenis temubual iaitu temubual berstruktur, temubual separa berstruktur dan temubual tidak berstruktur (Merriem, 1998). Dalam kajian ini, kaedah temu bual berstruktur dijalankan secara bersemuka dan formal selama 2 jam. Sebelum temubual dilaksanakan, perancangan perlu dibuat secara teliti. Soalan-soalan yang dikemukakan oleh penemubual kepada tokoh mesti selaras dengan objektif kajian. Hal ini adalah untuk menjadikan ketepatan terhadap maklumat yang diberikan oleh tokoh semasa temubual dijalankan. Ia adalah satu kaedah yang dikatakan amat penting dalam memastikan kesahihan dapat disahkan melalui pengucapan secara langsung oleh tokoh. Kaedah temubual yang dijalankan adalah tertumpu kepada salah seorang tokoh alumni Fakulti Pengurusan Maklumat yang banyak memberi sumbangan dalam bidang pengurusan maklumat di Malaysia. Secara amnya, kaedah temu bual ini dilihat sedikit sebanyak memberi peluang bagi tokoh terdahulu menceritakan apa yang mereka alami pada zaman mereka yang sudah pasti berlainan dengan masa sekarang. Jelaslah ia menjadikan mereka lebih dihargai dan tidak dipandang sebagai seseorang yang tidak mempunyai nilai kepada masyarakat.

Analisis Dokumen

Seterusnya, dalam menjalankan kajian ini juga, proses yang lain bagi mendapatkan maklumat tentang tokoh ini juga adalah melalui analisis dokumen. Analisis dokumen merupakan salah satu kaedah kajian selain etnografi, teori beralas/berlandas, fenomenologi dan kajian sejarah yang diguna bagi tujuan menganalisis data dokumen dan temu bual berbentuk teks (Hsieh & Shannon, 2007). Penyelidik mendapatkan maklumat tentang tokoh tersebut daripada Jabatan Arkib Universiti yang bertujuan untuk menguatkan lagi bukti-bukti dan maklumat tentang tokoh alumni tersebut.

Proses selanjutnya adalah dengan menganalisis setiap pengucapan yang telah direkod secara manual dan diwujudkan dalam bentuk transkripsi sebagai bahan rujukan pada masa akan datang. Kajian ini dilakukan sejujurnya bagi tujuan untuk memastikan sumber yang diperolehi itu berguna untuk pelajar, masyarakat, organisasi mahupun negara supaya setiap tokoh itu disanjung dan diberi penghargaan terhadap jasa yang telah disumbang.

LATAR BELAKANG TOKOH



Gambar 1: Profesor Dato" Dr. Hj. Raja Abdullah Raja Yaacob

Tokoh yang dipilih dalam kajian sejarah lisan ini ialah Profesor Dato" Dr. Hj. Raja Abdullah Raja Yaacob atau lebih mesra dipanggil Pak Ray. Umurnya menjangkau 71 tahun pada 2020. Beliau merupakan anak kelahiran Parit Buntar, Perak. Kini beliau menetap di seksyen 6 Shah Alam, Selangor dan mempunyai 4 orang anak dari hasil perkahwinan beliau yang pertama. Manakala bersama isteri kedua tidak memiliki cahaya mata. Beliau melanjutkan pelajaran di peringkat Doktor Falsafah (PhD) di University of Michigan. Tokoh merupakan seorang perintis dalam bidang Pengurusan Maklumat. Beliau mempunyai banyak jasanya dalam menaikkan nama fakulti ini kepada fakulti yang dikenali oleh masyarakat.

HASIL KAJIAN

Melalui kajian yang dijalankan, tema yang menjurus kepada kajian ini adalah berkaitan dengan latar belakang individu yang merupakan peserta kajian iaitu Profesor Dato" Dr. Hj. Raja Abdullah Raja Yaacob, selain itu pengalamannya ketika menuntut di ITM, pengalamannya dalam kerjaya dan juga sumbangan, kejayaan serta nasihat bersama harapan beliau kepada masyarakat.

LATAR BELAKANG TOKOH

Profesor Dato' Dr. Hj. Raja Abdullah Raja Yaacob dilahirkan pada 30 November 1949 di Parit Buntar, Perak dan dibesarkan di Kuala Terengganu, Terengganu iaitu semenjak usianya empat tahun setelah bapanya dikehendaki berpindah ke Kuala Terengganu atas urusan kerja. Beliau merupakan anak

ketiga daripada sepuluh adik beradik. Beliau juga dikenali sebagai Pak Ray, mendirikan rumah tangga sebanyak dua kali dan mempunyai empat orang anak.



Gambar 2: Majlis Pernikahan anaknya yang kedua

Beliau Telah mendapatkan pendidikan awal di Sekolah Rendah Sultan Sulaiman ataupun turut dikenali Sultan Sulaiman Primary School, Kuala Terengganu dari tahun 1961- 1965. Kemudian beliau bersekolah di Sekolah Menengah Tengku Bariah dari tahun 1961- 1966. Pada tahun 1967, beliau menduduki peperiksaan *Malaysian Certificate Examination (MCE)* yang sekarang dikenali sebagai Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan memperolehi gred 2. Beliau kemudiannya melangkah ke tingkatan enam di Maktab MARA Petaling Jaya dari tahun 1967-1968. Pada masa itu, bilangan pelajar di Maktab MARA adalah seramai 150 orang. Pada tahun 1968, Maktab MARA telah ditukar nama kepada Institut Teknologi MARA (ITM). Pada tahun 1970, beliau mengambil kursus Sains Perpustakaan di ITM yang merupakan program luaran iaitu Associateship in the Library Association London (ALA).

Pada tahun 1972, beliau telah bertugas sebagai Pembantu Perpustakaan di Dewan Bahasa dan Pustaka walaupun pada masa itu beliau masih belum menamatkan pengajian. Pada tahun 1973, beliau berjaya menamatkan pengajiannya dan mengikuti konvokesyen yang pertama di Shah Alam yang diadakan di dataran antara Bangunan Menara dan Perpustakaan. Pada Februari 1973, beliau berkhidmat di Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) sebagai Penolong Pegawai Perpustakaan. Beliau ditawarkan biasiswa pada tahun 1978 untuk mengikuti Program Sarjana (Master) di Case Western Reserve University, Cleveland, Ohio, Amerika Syarikat sehingga tahun 1980. Beliau pulang ke tanah air dengan memperolehi dua sarjana iaitu Sarjana Pengurusan Rekod dan Sarjana Sains Perpustakaan. Pada masa itu, beliau

merupakan rakyat Malaysia yang pertama mendapat sarjana dalam bidang Pengurusan Rekod. Beliau kemudiannya bertukar ke ITM, Perlis dan menjawat jawatan sebagai Ketua Pustakawan.

Selepas dua tahun berkhidmat, pada tahun 1982 beliau kemudiannya bertukar kerjaya sebagai pensyarah di ITM, Jalan Othman, Petaling Jaya. Pada ketika itu, Fakulti Pengurusan Maklumat masih dikenali sebagai Kajian Sains Perpustakaan dan Maklumat iaitu pada tahun 1982. Pada tahun 1986, beliau sekali lagi mendapat biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat PhD di University of Michigan sehingga tahun 1990. Selepas kembali dengan PhD beliau ditawarkan jawatan sebagai Koordinator Penyelidikan Sains Sosial di bawah bahagian Konsultansi dan Penyelidikan di UiTM. Dua tahun selepas itu beliau dilantik sebagai Dekan di Fakulti Pengajian Maklumat sehingga 2001.

PENGALAMAN TOKOH KETIKA MENUNTUT DI ITM

Pak Ray menuntut di ITM ketika umurnya 20-an, beliau menyatakan bahawa tidaklah mempunyai pengalaman yang pahit, cumanya pada waktu itu beliau tidak mempunyai ramai kawan. Hal ini kerana masyarakat pada waktu itu masih lagi tidak mengetahui apa itu kursus pengurusan perpustakaan. Mereka menganggap bahawa kursus ini tidak mempunyai masa depan dan melihat kerjaya kursus ini hanyalah sekadar menjadi seorang penyusun buku. Berbalik kepada kawannya yang tidak ramai waktu itu, di kelasnya hanya mempunyai tujuh orang termasuknya dan di dalam jumlah tersebut hanya dua orang sahaja lelaki dan selebihnya perempuan.



Gambar 3: Fota kenangan Pak Ray Bersama rakan rakan

Yang lebih menarik, beliau turut menyatakan bahawa kursus ini mempunyai daya tarikan yang tersendiri dalam industri pekerjaan di mana

ketika beliau masih lagi belum tamat pengajian, tatkala itu pelbagai organisasi iaitu Bank Negara, Dewan Bahasa dan Pustaka berebut-rebut untuk mendapatkan pelajar dari kursus ini. Secara tidak langsung, kursus ini dianggap *rare* bagi Pak Ray. Manakala, beliau menyatakan bahawa kemudahan asas telah pun tersedia pada ketika itu iaitu perpustakaan dan kolej. ITM mempunyai kampus di Jalan Othman, Petaling Jaya. Yang menggamit kenangan apabila beliau bersama kawan-kawan terpaksa menaiki bas untuk ke Jalan Klang Lama untuk makan, pada waktu itu bas sahaja menjadi pengangkutan utama. Beliau turut menyatakan bahawa pada masa itu elaun makanan tersedia bagi setiap pelajar sebanyak RM15, manakala yuran pengajian pula percuma.

Pengalaman lain pula, beliau kerap kali bersama pensyarahnya menghadiri sesi persidangan yang diadakan di dewan besar di dalam negara mahupun luar negara. Ini menjadi pengalaman yang tak dapat dilupakan beliau kerana dapat pergi ke pelbagai Negara. Tidak ketinggalan juga melawat perpustakaan-perpustakaan di dalam dan luar Negara.

Beliau juga menyatakan kaedah pentaksiran pada waktu dulu berlainan dengan waktu sekarang iaitu markah yang diperolehi setiap penggal itu dinilai dari keputusan peperiksaan akhir sepenuhnya. Kursus ini merupakan kursus *external* yang menjadikan semua markah bergantung kepada pemeriksa luar. Ia bukan bergantung kepada pensyarah. Antara nama pensyarah yang pernah mengajar ialah Puan Molinanija, Encik Wong Tack, Encik Olly Mohamed dan Puan Sae Tomawira. Beliau mengatakan pada waktu itu ITM kekurangan tenaga pengajar dari masyarakat bumiputera. Hal ini menjadi pendorong bagi dirinya semasa beliau menjadi Dekan dengan membawa masuk seramai mungkin tenaga pengajar dari masyarakat bumiputera.

PENGALAMAN KERJAYA TOKOH

Pak Ray memulakan kerjayanya dengan bertugas sebagai Pembantu Perpustakaan di Dewan Bahasa dan Pustaka walaupun pada masa itu beliau masih belum menamatkan pengajian iaitu pada tahun 1972. Setelah menamatkan pengajiannya pada tahun 1973, beliau mengikuti konvokesyen yang pertama di Shah Alam yang diadakan di dataran antara Bangunan Menara dan Perpustakaan. Pada Februari 1973, beliau berkhidmat di Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) sebagai Penolong Pegawai

Perpustakaan. Setelah hampir 5 tahun berkhidmat, beliau ditawarkan untuk mengikuti pengajian di peringkat sarjana ataupun master di Amerika Syarikat selama 2 tahun. Sebermula di situlah beliau menukar arah daripada pustakawan menjadi seorang pensyarah di ITM iaitu pada tahun 1982 iaitu di Jalan Othman, Petaling Jaya. Pada ketika itu, Fakulti Pengurusan Maklumat masih dikenali sebagai Kajian Sains Perpustakaan dan Maklumat.

Pada tahun 1986, beliau sekali lagi mendapat biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat PhD di University of Michigan sehingga tahun 1990. Selepas kembali dengan PhD beliau ditawarkan jawatan sebagai Koordinator Penyelidikan Sains Sosial di bawah bahagian Konsultansi dan Penyelidikan di UiTM. Dua tahun selepas itu beliau dilantik sebagai Dekan di Fakulti Pengajian Maklumat sehingga 2001 dan berpencen wajib pada tahun 2010 setelah semuanya nampak stabil di matanya.

Sepanjang berkhidmat, untuk memastikan para masyarakat mengenali program ini merupakan satu pengalaman pahit bagi beliau. Namun, ia menjadi pengalaman yang manis setelah berjaya mengubah nama dan juga jenama fakulti ini menjadi fakulti yang dianggap salah satu fakulti yang popular di UiTM. Sebelum ini, fakulti ini merupakan fakulti yang paling tidak terkenal, bilangan pelajar dan pensyarah yang sedikit dan tidak ramai yang mahu memohon bidang Sains Perpustakaan mungkin kerana rakyat Malaysia tidak suka membaca. Kini dengan era maklumat yang banyak mengaplikasikan *Information Communication Technology (ICT)*, bidang pengurusan maklumat telah mendapat perhatian dari para pelajar.

SUMBANGAN TOKOH

Menurut Pak Ray, semasa baru menjawat jawatan sebagai Dekan pada tahun 1995, fakulti ini hanya menawarkan satu program sahaja, iaitu Diploma Sains Perpustakaan dan bilangan pelajar pada masa itu adalah lebih kurang 115 orang. Manakala bilangan pensyarah pada masa itu pula adalah seramai 13 orang. Sepanjang beliau menjawat jawatan sebagai Dekan hampir selama lapan tahun beliau telah berjaya mengubah, menggubal dan membentuk pelbagai aktiviti dan program. Setelah beliau tamat memegang jawatan sebagai Dekan pada tahun 2001, fakulti ini telah menambah bilangan pelajar dari 115 orang kepada 4000 orang, termasuk 4 cawangan, dari 13 orang pensyarah kepada lebih 120 orang pensyarah dan dari satu program kepada

sembilan program iaitu dari peringkat Diploma sehingga PhD. Baginya, itu merupakan satu kejayaan buat beliau. Sepanjang perkhidmatan, Pak Ray pernah mengeluarkan beberapa buah buku yang berkaitan dengan pembacaan, pemeliharaan rekod, penulisan laporan dan keindahan membaca. Namun beliau masih lagi dalam proses menerbitkan tiga hingga empat buah buku yang berkisar dalam bidang pengurusan rekod, pengurusan maklumat dan pengurusan perpustakaan. Selain itu, beliau juga turut terlibat dengan giatnya dalam bidang penulisan artikel dalam jurnal, pembentangan di persidangan dan seminar samada di dalam mahupun luar negara.

KEJAYAAN DAN ANUGERAH TOKOH

Sepanjang perkhidmatan, beliau mendapat anugerah Dato' Paduka Mahkota Perak (DPMP) yang membawa gelaran Dato' pada tahun 2001. Jasa yang ditaburkan oleh beliau adalah dari segi akademik, mempunyai ijazah kedoktoran dan banyak menulis. Selain itu, beliau juga pernah mendapat penganugerahan cemerlang, biasiswa, dan juga pengiktirafan dari segi kepakarannya. Beliau juga sering dijemput sebagai penceramah undangan di university universiti tempatan mahupun luar Negara. Beliau menulis artikel-artikel yang berkaitan dengan bidang Sains Perpustakaan dan Maklumat dalam akhbar tempatan.



Gambar 4: Upacara Penganugerahan Darjah Kebesaran Yang Membawa gelaran Dato" Oleh Sultan Azlan Shah (Sultan Perak) 2001.

Nasihat dan Harapan Tokoh

Nasihat dan pengharapan juga merupakan satu intipati dalam kajian yang melibatkan ketokohan seorang alumni dari UiTM ini, beliau merupakan individu yang mempunyai perwatakan yang bersahaja namun cukup tegas dalam melakukan tanggungjawabnya. Antara nasihat beliau ialah kita mestilah sentiasa berfikiran terbuka terhadap semua perkara. “Jangan mengganggu diri kita ini lemah, kita mempunyai keistimewaan yang tersendiri”, walaupun ia mustahil untuk kita kecapai, tetaplah mencuba untuk menggapai kejayaan tersebut. Janganlah pula kita membina tembok untuk menjadi penghalang antara kita dengan kejayaan. Ini merupakan tonik yang amat bagus bagi seseorang pelajar ataupun individu untuk mengejar cita-cita.

Seterusnya, hal lain yang merujuk kepada nasihat yang diberikan oleh tokoh ini ialah kita seharusnya menunjukkan keselesaan apabila berhadapan dengan khalayak. Mestilah ikhlas dan tidak menipu, jelas kita perlu menunjukkan keikhlasan apabila berhadapan dengan kerja, janganlah menipu, oleh kerana setiap apa yang kita kerjakan akan dipertanggungjawabkan di Akhirat kelak. Kata-kata beliau, “memberi keselesaan kepada orang lain bukanlah menjatuhkan martabat kita malah lebih dihormati dan disukai oleh orang lain”. Sifat ini amat penting dalam berurusan dengan pelanggan, bagi membolehkan kita memperolehi kata sepakat dari pelanggan, kita seharusnya menunjukkan sifat yang mudah mesra dan senang untuk berbual. Secara tidak langsung kita akan mempunyai ramai sahabat bukannya ramainya lawan.

Beliau juga menasihati penyelidik, seharusnya kita menjauhkan diri dari sifat dengki serta khianat di dalam hati. Dalam masyarakat kita, Melayu khususnya lebih memilih untuk berdengki sesama mereka dan tak lari juga permusuhan antara masyarakat dek kerana dengki ini. Dari dengki, wujudlah khianat, benar apa kata sejarah, “Bahawa yang menjatuhkan kamu adalah dari kalangan kamu”. Tidak akan tumbang sesebuah kota jika tidak ada yang namanya pengkhianat dalam kalangan mereka. Justeru, tokoh lebih memilih untuk sentiasa merendah diri dalam segala hal. Harta dan pangkat itu hanya sementara dan jangan pernah tertipu dengannya. Sedikit kata-kata hikmah yang beliau berikan ialah “*nothing is impossible*”. Bagi beliau kehidupan ini tiada apa yang mustahil, yang tidak terjangkau dek pemikiran pun kadang kala kita dapat realisasikan apatah lagi yang ada di depan mata.

Beliau juga menyatakan harapan agar semua pelajar yang sedang menuntut ilmu supaya lebih profesional dan lebih yakin dengan diri. Setiap perkhidmatan atau kerja yang dilakukan mestilah baik dan sentiasa

meningkatkan untuk lebih berkesan. Untuk tenaga pengajar pula, beliau berharap agar lebih prihatin serta lebih fokus dalam mendidik jangan hanya „melepaskan batuk ditangga” tetapi mengharapkan keputusan yang bagus serta memuaskan. Melalui harapan beliau juga menyatakan setiap dari kita perlulah memberikan lebih dalam usaha untuk meningkat pengetahuan dan lebih berjaya.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, sejarah lisan merupakan satu skop kajian yang menjurus kepada kepentingan untuk menambahkan sumber primer bagi tujuan penyelidikan orang yang akan datang untuk lebih lestari dan pelbagaikan sumber rujukannya. Hal ini dinyatakan sedemikian kerana jelas terbukti bahawa kehidupan seseorang tokoh yang dibukukan atau didokumentasikan oleh penyelidik dapat dijadikan sebagai bahan bukti dan menjadikan ia lebih terpelihara maklumatnya.

Segala maklumat yang diberikan oleh tokoh nanti akan menjadi satu harta yang amat bermakna dalam menjadikan sumber sekunder yang berasaskan akademik ini menjadi satu titik tolak kepada perkembangannya di masa akan datang. Hal ini kerana, sejarah yang dituturkan melalui mulut individu itu sememangnya perlu dijadikan satu hal yang harus didokumentasikan dalam bentuk yang mudah difahami dan dapat disimpan untuk tatapan generasi akan datang.

Diharapkan agar lebih banyak lagi kajian sejarah lisan ini disesuaikan dalam masyarakat setempat yang membolehkan ia semakin diminati dan tidak dilupakan pada masyarakat. Hal ini terbukti dengan adanya penyelidikan yang dilakukan melalui kaedah temubual ini amatlah menarik dan dikatakan amat jarang dilakukan oleh generasi muda bagi tujuan menghargai sejarah individu (tokoh) sekitar yang telah menyumbang dalam bidang yang diceburi dan masih belum didokumentasikan.

RUJUKAN

Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus Dewan* (Edisi keempat.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jabatan Pengajian Tinggi (2019, April 03). Tokoh Akademik Negara. Diakses pada Disember 02, 2020, dari http://jpt.mohe.gov.my/aan/senarai_penerima/aan-2013/tokoh-akademik-negara

- Jamaludin, A., & Wan Fakeh, S. (2011). Perkembangan dan cabaran Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA (UiTM) dalam pendidikan dan latihan pustakawan dan profesional maklumat / Adnan Jamaludin dan Shamsul Kamal Wan Fakeh (Jabatan Arkib Universiti, UiTM). Diakses pada 17 Disember, 2020, from <http://ir.uitm.edu.my/id/eprint/13862/>
- KEPENTINGAN SEJARAH LISAN. (2007). Diakses pada November 09, 2020, dari <http://www.ukm.my/sejarah/sejarahlisan/kepentingansejarahlisan.html>
- Lin, S. H. (n.d.). Sejarah Lisan. *Sejauhmanakah Sejarah Lisan penting dan diperlukan dalam penyelidikan dan penulisan sejarah?* doi: 10.13140/RG.2.2.27531.31527
- Mohamad Saad, S., Jan Mohamad, R., Che Jaafar, C., & Wan Jan, N. (2012, October 15). Penukilan Ilmu Baharu Melalui Sejarah Lisan. Diakses 18 Disember, 2020, dari <http://www.myjurnal.my/public/article/view.php?id=71896>
- Profesor Dato' Dr. Hj. Raja Abdullah Raja Yaacob / Muhamad Fahmi Shamsi and Nurul Syuhaida Azmi. (n.d.). Diakses pada November 30, 2020, dari <http://ir.uitm.edu.my/id/eprint/14056/>
- Rozeman Abu Hassan. (2004). Mengenal dan mentafsir sumber-sumber sejarah. Shah Alam: Karisma Pub., pp. 148-191
- Sejarah lisan. (2020, November 04). Diakses pada 19 Disember, 2020, dari <https://umlib.um.edu.my/ms/sejarah-lisan/>
- Sejarah Pembangunan UiTM. (n.d.). Diakses pada November 30, 2020, dari <https://www.uitm.edu.my/web/index.php/ms/kenali-uitm/profil-universiti/sejarah-pembangunan>
- Temubual Bersama Tokoh Alumni FPM: Profesor Dato' Dr. Hj. Raja Abdullah Raja Yaacob [ditemubual oleh H. Mohamad Balsu & R. Basar]. (2021, Januari 7. *Temubual Bersama Tokoh Alumni FPM: Profesor Dato' Dr. Hj. Raja Abdullah Raja Yaacob*, 1-34.